

## APLIKASI TARANNUM *MURATTAL* DALAM SOLAT TARAWIH DAN KESANNYA

1042

IKMAL ZAIDI BIN HASHIM  
MUHAMMAD FAIRUZ BIN A.ADI  
SHAHARUDDIN BIN SAAD

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

*Solat Tarawih merupakan solat sunat yang hanya dilakukan dalam bulan Ramadan. Semua masjid dan surau akan dibanjiri oleh umat Islam setempat bagi menghidupkan malam-malam Ramadan dengan amal ibadah yang istimewa ini. Antara perkara yang penting ialah kepimpinan solat Tarawih itu sendiri iaitu imam yang memimpin solat tersebut. Persoalannya sejauh mana persembahan imam dalam memimpin solat mempengaruhi minat makmum untuk terus berada di belakangnya? Adakah ia berkaitan dengan tarannum yang diaplikasikan dalam bacaannya? Kajian kualitatif ini bertujuan menjawab persoalan-persoalan di atas dengan menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian turut serta yang telah dibuat di beberapa masjid di Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa tarannum murattal yang diaplikasikan oleh para imam dalam solat Tarawih memberi kesan kepada kehadiran para jemaah.*

*Kata kunci: Tarannum murattal, solat Tarawih*

### 1.0 Pendahuluan

Tarannum merupakan satu kaedah yang menggunakan kelunakan suara dalam membacakan ayat al-Quran. Suara adalah satu getaran bunyi yang diproses oleh udara dari paru-paru melalui selaput suara ke rongga-rongga mulut atau hidung yang akan ditentukan bunyinya oleh alat pertuturan yang lain mengikut kehendak yang tertentu. (Mohd Ali Abu Bakar:1997)

Dari Sudut Bahasa ia boleh didefinisikan sebagai lagu. Sudut Istilah pula tarannum ialah suatu ilmu atau suatu kaedah suara yang dipelbagaikan bunyi mengikut proses nada rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan khususnya bacaan al-Quran.(Nik Jaafar:2007).

Setiap tarannum pastinya tidak terpisah dari ciri-ciri berikut :

- Nada - iaitu tingkatan atau tekanan bunyi suara
- Rentak - pergerakan menghidupkan bunyi suara
- Irama - alunan atau bentuk bunyi

Dalam konteks aplikasi tarannum melalui bacaan Al-Quran biasanya terbahagi kepada dua kaedah iaitu bacaan secara *mujawwad* dan *murattal*. *Mujawwad* bermaksud bacaan yang bertajwid. Tajwid merupakan asas kepada bacaan Al-Quran bertujuan memastikan

bacaan terpelihara daripada *al-Lahn* iaitu kesalahan dalam pembacaan Al-Quran. *Murattal* pula bermaksud bacaan yang agak cepat tetapi tetap mematuhi hukum-hukum Tajwid. Walau bagaimanapun istilah *mujawwad* jika merujuk kepada makna perkataan akan menimbulkan kekeliruan lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan *murattal* kerana kedua-dua kaedah bacaan ini sememangnya boleh berlaku sekali gus. Maka pengkaji berpandangan istilah yang lebih tepat bagi menunjukkan perbezaan kedua-dua kaedah bacaan ialah pada kadar kecepatan bacaan. *Mujawwad* lebih sesuai digantikan dengan *muhaqqaq* dan bacaan *murattal* dikekalkan istilahnya. Ini kerana kedua-dua istilah iaitu *tahqiq* dan *tartil* ini telah pun dinyatakan oleh ulama Tajwid lewat karya-karya mereka.

## 2.0 Aplikasi Tarannum dalam Tilawah Al-Quran

Di Malaysia para qari dan qariah biasanya mengaplikasikan beberapa tarannum dalam bacaan mereka secara *mujawwad* khasnya yang terlibat dalam Majlis Tilawah Al-Quran di semua peringkat. Bacaan yang perlahan dan cermat dipersembahkan dengan menggunakan suara yang merdu serta tarannum yang disusun rapi dan kemas.

Manakala tarannum yang diaplikasikan oleh para imam pula mempunyai pilihan sama ada meniru gaya bacaan imam-imam *al-Haramayn* atau menerapkan pelbagai tarannum berdasarkan pengetahuan masing-masing dalam bidang ini. Secara umumnya terdapat dua kategori tarannum iaitu *uṣūl* dan *furu'*:

### 2.1 Kategori *uṣūl* (tarannum dasar/asas)

Terdapat tujuh lagu pokok dalam seni tarannum al-Quran, iaitu:

#### 2.1.1 *Bayati*

Berasal dari perkataan *بيت* yang membawa maksud rumah atau tempat tinggal atau empat bertolak atau tempat kembali. Dari sudut istilahnya ialah nama bagi satu jenis alunan tarannum yang dipopularkan di Mesir oleh Qari-Qari Arab. Ada juga pendapat mengatakan *bayati* itu berasal dari nama satu daerah di Iraq dan dibawa oleh orang Syuria, maka dinamakan dengan *bayati Syuri*.(Nik Azizan:2012).

Tarannum *Bayati* bersifat lembut disamping ketegasan, sesuai dengan tabaqat sederhana dan mempunyai unsur harmoni dan ketenangan. Tarannum *bayati* berperanan sebagai memantapkan bacaan, bermula dengan *bayati* dan ditutup dengan *bayati*. Ia juga menjadi pengukur kepada tarannum selepasnya.

#### 2.1.2 *Nahawand*

Perkataan *Nahawand* berasal dari nama bagi satu tempat yang terletak di daerah Hamadan Parsi. Pada istilahnya pula ia adalah nama bagi satu alunan tarannum yang dipopularkan oleh Qari-Qari daerah tersebut mengikut budaya tempatan. Berasal dari Parsi tetapi *Nahawand* yang kita hayati dan pelajari sekarang adalah hasil dari ubahsuai oleh Qari Mesir mengikut budaya mereka. Tarannum *Nahawand* bersifat ringan yang berkesan, kelembutan yang bersopan, kesederhanaan yang mengikat jiwa, kesesuaian dengan tabaqat sederhana, kehalusan seni yang mempersonakan dan sesuai dengan ayat yang memohon dan bercerita. Tarannum ini berperanan untuk melembutkan bacaan al-Quran, mampu menenangkan jiwa pembaca dan pendengar, memberi penyesuaian kepada ayat gembira, memohon dan bercerita, melahirkan kefasihan sebutan huruf serta dapat melahirkan kemukjizatan al-Quran.

### 2.1.3 *Rast*

Lagu *Rast* ini berasal dari Parsi (Nik Jaafar:1997). Kemudian diubahsuai oleh orang Arab Mesir sehingga ia dikenali sebagai salah satu lagu yang popular di Mesir. Pendapat lain mengatakan ia adalah berasal dari sebuah Bandar راس ت , kemudian setelah lagu ini sampai ke Hijaz, ditambah huruf ta' di belakangnya menjadi راست. Taranum *Rast* bersifat lembut di samping ketegasan, kelembutan alunan yang mempersonakan, mempunyai banyak bunga-bunga suara serta mempunyai ciri-ciri kelincuhan yang menyemarakkan. Ia juga bersesuaian dengan mana-mana peringkat suara serta bersesuaian dengan mana-mana bentuk ayat al-Quran yang dibaca. Taranum *Rast* berperanan untuk memberi semangat kepada yang mendengar, memberi tenaga kepada taranum yang berikutnya, memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar dan membantu untuk menyampaikan mesej al-Quran.

### 2.1.4 *Hijaz*

Hijaz adalah nama bagi kawasan di Negara Arab Saudi iaitu termasuk Kota Mekah dan Kota Madinah. Istilah taranum Hijaz merupakan nama bagi satu jenis alunan lagu yang dipopularkan oleh Qari-Qari Hijazi mengikut budaya bangsanya yang hidup di kawasan padang pasir tandus serta berbukit bukau dengan batu-batu pejal. Tetapi kini Taranum Hijazi telah diubahsuai oleh Qari Mesir mengikut budaya bangsa mereka sendiri yang hidup di kawasan Lembah Nil yang subur mengijau. Taranum Hijaz bersifat lembut tetapi berkesan, tegas dan bersemangat, lincah dalam menghidupkan persembahan, sesuai dengan mana-mana peringkat suara dan ia sesuai untuk doa, perintah atau marah. Taranum Hijaz berperanan sebagai memberi semangat dan kepuasan kepada pembaca dan pendengar, ia juga berperanan untuk memberi tenaga kepada lagu yang seterusnya serta memberi ketegasan terhadap mesej-mesej al-Quran. Ia juga tidak meghilangkan kefasihan menyebut huruf-huruf al-Quran. (Nik Azizan:2012).

### 2.1.5 *Saba*

Dari sudut bahasa membawa maksud rindu. Dari sudut istilah ilmu taranum, *Saba* merupakan nama bagi satu jenis alunan taranum yang dipopularkan oleh pakar taranum arab mengikut budaya mereka. Taranum ini telah dipopularkan di Malaysia selepas perang dunia kedua, taranum *Saba* yang kita hayati sekarang adalah hasil dari pengubahsuaian dari qari-qari Mesir mengikut budaya mereka. Sifat taranum *Saba* mempunyai gerak ringan yang meresap ke dalam jiwa, mempunyai alunan yang lembut dan mendayu. Bersesuaian dengan tabaqat sederhana, dan bersesuaian dengan ayat menunjukkan memohon merayu dan merintih. *Saba* berperanan sebagai penenang kepada bacaan sekaligus membawa kekhusyukan dan keinsafan. (Nik Azizan: 2012).

### 2.1.6 *Sikah*

*Sikah* berasal dari Negara Parsi. Ia telah diubahsuai dan diterimapakai oleh pakar-pakar taranum al-Quran dari Negara Hijaz dan dipopularkan kepada seluruh qari-qariah seluruh pelosok dunia mengikut lajiah arab Hijazi bermula dari kurun ke 7 hingga 19 masihi. (Nik Azizan:2012). Taranum *Sikah* bersifat dengan gerak lambat yang meyakinkan tetapi mempunyai kelembutan yang lembut menusuk kalbu bersesuaian dengan mana-mana tabaqat suara. Ia mempunyai ciri-ciri kesedihan dan kerintihan bersesuaian untuk merayu dan merintih. Taranum *Sikah* berperanan sebagai membawa pembaca dan pendengar kepada kekhusyukan dan keinsafan sekaligus memberi kepuasan.

### 2.1.7 *Jiharkah*

*Jiharkah* berasal dari Negara Farsi dan diterima pakai oleh qari-qari Hijaz dengan mengubahsuai mengikut budaya mereka. Sehingga kini ia telah dipopularkan semula oleh qari-qari Mesir mengikut budaya mereka yang agak lebih lembut dan hebat, bersesuaian dengan kelembutan dan kehebatan al-Quran. Walau bagaimanapun identiti asal masih dikekalkan. Sifat tarannum *Jiharkah* ialah gerak ringan yang berkesan sehingga kelembutannya menusuk kalbu sekaligus membawa kepada ketenangan dan keharmonian. Lagu ini bersesuaian dengan ayat berbentuk permohonan, rayuan dan rintihan serta bersesuaian dengan mana-mana tahap suara.

### 2.2 Kategori *furū'* (tarannum cabang)

Terdapat pelbagai jenis lagu cabang variasi yang popular antaranya ialah *Syuri*, *'Ajam*, *Kurdi*, *Iraqi*, *Husaini*, *Bastanjar*, *Misri*, *Turki*, *Raml*, *Ushaq* dan banyak lagi yang tidak mampu penulis menulis kesemuanya. Menurut Syeikh Arabi Kabbani lagu-lagu cabang terlalu banyak sehingga melebihi 300 lagu.

## 3.0 Aplikasi Tarannum Murattal dalam Solat Tarawih dan Kesannya

### 3.1 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua instrumen iaitu instrumen pemerhatian dan temubual. Instrumen pemerhatian bertujuan mengkaji perspektif responden terhadap kesan-kesan penggunaan tarannum murattal ketika solat tarawih. Instrumen temubual pula bertujuan untuk meneroka dan mendapatkan maklumat lebih mendalam yang tidak dapat diperolehi melalui kaedah pemerhatian.

#### 3.1.1 Persampelan

Kajian ini melibatkan jamaah solat Tarawih seramai 20 orang yang dipilih secara rawak di beberapa masjid iaitu Masjid Dato Kelana Petra, Nilai, Masjid Al-Azhar KUIS, Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi dan Masjid Putra Putrajaya.

#### 3.1.2 Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, di kebanyakan masjid terdapat penurunan bilangan jamaah dalam solat tarawih sepanjang Ramadan. Kuantiti jamaah pada awal Ramadan secara peratusan pada fasa kedua (10 hari kedua Ramadan) mula berkurang kepada 80% dan masuk kepada fasa ketiga menunjukkan penurunan sehingga 50%. Adakah penurunan bilangan jamaah solat Tarawih di masjid-masjid ini disebabkan oleh bacaan imam dalam solat atau tidak? Pemerhatian ini menguatkan permasalahan bagi kajian ringkas ini.

Kaedah pemerhatian juga dilakukan terhadap imam-imam di keempat-empat masjid tersebut dalam mengaplikasi tarannum *murattal* dalam solat tarawih. Di Masjid Putra, Putrajaya pengkaji mendapati imamnya membaca dengan pelbagai tarannum antaranya *bayati*, *hijaz*, *nahawand* dan *şaba*. Manakala di Masjid Dato Kelana Petra, Nilai, pengkaji mendapati imamnya menggunakan tarannum *jiharkah*. Begitu juga di masjid Al-Hasanah, imam di sana hanya mengaplikasikan beberapa lagu tarannum sahaja antaranya *şaba* dan *kurdi*. Manakala di Masjid KUIS imamnya menggunakan dua bentuk lagu iaitu *nahawand* dan *bayati*.

### 3.1.3 Temubual Tidak Berstruktur

Bahagian ini membicarakan tentang keputusan analisis dan juga ulasan mengenai dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan data temubual dengan responden. Berikut adalah soalan temubual:

1. Adakah tuan kerap bersolat Tarawih di masjid ini?
2. Selain masjid ini di manakah tuan bersolat Tarawih?
3. Apakah pandangan tuan tentang bacaan imam? Menarik atau tidak? Nyatakan sebab.
4. Apakah perbezaan bacaan imam Tarawih masjid ini dengan masjid yang tuan pernah solat tarawih?
5. Pada pandangan tuan adakah bacaan imam Tarawih mempengaruhi kehadiran dan bilangan jamaah?
6. Adakah tuan tahu apa-apa tentang tarannum?
7. Apakah kedatangan jamaah ke masjid ini disebabkan oleh kemerduan bacaan imam atau ada sebab lain?

	Masjid Putra	Masjid Nilai	Masjid Hasanah	Masjid KUIS
Soalan 1	3/5 (kerap) 2/5 (tidak kerap)	4/5 (kerap) 1/5 (tidak kerap)	3/5 (kerap) 2/5 (tidak kerap)	5/5 (kerap) 0/5 (tidak kerap)
Soalan 2	1/5 (solat di masjid Putra) 4/5 (solat di tempat lain)	4/5 solat di masjid Nilai 1/5 (solat di tempat lain)	2/5 (solat di masjid Hasanah) 3/5 (solat di tempat lain)	3/5 (solat di masjid KUIS) 2/5 (solat di tempat lain)
Soalan 3	4/5 (menarik) 1/5 (tidak menarik)	4/5 (menarik) 1/5 (tidak menarik)	4/5 (menarik) 1/5 (tidak menarik)	2/5 (menarik) 3/5 (tidak menarik)
Soalan 4	4/5 (jauh perbezaan) 1/5 (biasa)	3/5 (tidak tahu) 2/5 (biasa)	4/5 (jauh perbezaan) 1/5 (biasa)	2/5 (ada perbezaan) 3/5 (biasa)
Soalan 5	4/5 (memberi kesan) 1/5 (tidak memberi kesan)	5/5 (memberi kesan) 0/5 (tidak memberi kesan)	4/5 (memberi kesan) 1/5 (tidak memberi kesan)	5/5 (memberi kesan) 0/5 (tidak memberi kesan)
Soalan 6	1/5 (tahu) 4/5 (sedikit)	1/5 (tahu) 4/5 (sedikit)	1/5 (tahu) 4/5 (sedikit)	3/5 (tahu) 2/5 (sedikit)
Soalan 7	4/5 (suara sedap) 1/5 (selain dari itu)	4/5 (suara sedap) 1/5 (selain dari itu)	2/5 (suara sedap) 3/5 (selain dari itu)	4/5 (suara sedap) 1/5 (selain dari itu)

Jadual 1 : Rumusan hasil kumpulan data

### 3.2 Analisis Data

#### Soalan 1 : Kekerapan solat Tarawih di masjid kajian

Kekerapan solat di keempat-empat Masjid	Kuantiti	Peratus
Kerap	15/20	60%
Tidak kerap	5/20	40%

Jadual 2 : Kekerapan ke masjid kajian

Jadual 2 menunjukkan terdapat 15 daripada 20 responden atau sebanyak 60% yang ditemubual kerap solat Tarawih di masjid kajian, manakala 5 responden atau 40% tidak kerap solat Tarawih di masjid tersebut. Antara sebab utama mereka kerap solat di masjid tersebut adalah kerana rumah yang berdekatan dengan masjid. Faktor yang lain adalah kerana suasana yang di masjid tersebut tiada pada masjid lain, khasnya kerana bacaan imam yang sedap didengar. Responden yang tidak kerap solat Tarawih di masjid tersebut adalah kerana rumah yang jauh dengan masjid tersebut dan ada yang datang hanya untuk membayar zakat.

**Soalan 2 : Responden pernah solat di masjid lain selain masjid kajian.**

<b>Solat di Masjid lain</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Peratus</b>
Pernah tetapi tidak kerap	10/20	50%
Pernah dan kerap	10/20	50%

Jadual 3 : Responden yang solat di masjid lain

Tujuan soalan ini adalah untuk responden membuat perbezaan antara masjid kajian dengan masjid atau surau yang lain yang mana akan disoal dalam soalan ketiga nanti. 10 daripada mereka atau 50% mengatakan pernah tetapi tidak kerap sedangkan 10 orang lagi atau 50% pernah dan kerap solat ditempat lain selain tempat yang dikaji antaranya adalah Masjid Sungai Ramal Luar, Masjid UKM, Surau Muhajirin dan Masjid Bandar Seri Putra.

**Soalan 3 : Pandangan responden terhadap bacaan imam Tarawih**

<b>Bacaan Imam</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Peratus</b>
Menarik	14/20	60%
Tidak menarik	6/20	40%

Jadual 4 : Respon terhadap bacaan imam Tarawih

14 daripada 20 responden atau 60% memberi respon bahawa bacaan imam di tempat mereka adalah menarik manakala 6 responden memberi respon tidak menarik atau biasa sahaja. Masjid Putrajaya, Masjid Putra Nilai dan Masjid Hasanah masing-masing mendapat 4 daripada 5 responden mengatakan bacaan di ketiga masjid tersebut menarik. Manakala masjid al-Azhar KUIS hanya 2 daripada 5 responden mengatakan menarik manakala bakinya mengatakan tidak menarik. Sebab responden memberi respon menarik adalah kerana imam-imam membaca dengan berlagu, suara yang sedap, intonasi suara yang pelbagai dan ada juga reasponden mengatakan bahawa peranan pembesar suara masjid memainkan peranan yang sangat penting.

**Soalan 4 : Perbandingan bacaan imam Tarawih di masjid kajian dan masjid lain.**

<b>Perbezaan bacaan imam</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Peratus</b>
Jauh/banyak perbezaan	8/20	40%
Hampir sama	7/20	35%
Tiada perbezaan	5/20	25%

Jadual 5 : Respon terhadap bacaan imam Tarawih di masjid lain.

8 daripada 20 responden atau 40% mengatakan jauh perbezaan bacaan di masjid yang dikaji tersebut dengan masjid lain, manakala 7 responden mengatakan bacaan dengan masjid lain hanya hampir sama dan baki daripada jumlah tersebut iaitu sebanyak 5 responden mengatakan tiada perbezaan atau tidak banyak perbezaan. Rasional soalan ini

adalah merupakan kesinambungan daripada soalan yang kedua. Ia adalah untuk menunjukkan perbezaan di antara masjid-masjid tersebut.

**Soalan 5 : Adakah bacaan imam Tarawih mempengaruhi bilangan jamaah?**

<b>Implikasi bacaan imam</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Peratus</b>
Bacaan imam memberi kesan terhadap bilangan jamaah.	18/20	80%
Tidak memberi kesan	2/20	20%

Jadual 6 : Respon kesan bacaan imam Tarawih

Data menunjukkan 18 daripada 20 responden atau 80% memberi respon bacaan imam sangat mempengaruhi terhadap bilangan jamaah. Responden di masjid Putra seramai 4 daripada 5 memberi respon sangat mempengaruhi bilangan jamaah, begitu juga di Masjid Hasanah, manakala di Masjid Putra Nilai dan Masjid KUIS masing-masing mendapat respon kesemua responden menjawab bacaan imam sangat mempengaruhi bilangan jamaah. Responden yang menjawab tidak memberi kesan itu ada alasan dan sebab masing-masing. Bagi mereka bacaan imam tidak memberi kesan terhadap bilangan jamaah, bahkan itu hanyalah kehendak masing-masing untuk hadir solat berjemaah.

**Soalan 6 : Pengetahuan responden tentang tarannum**

<b>Pengetahuan tentang Taranum</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Peratus</b>
Mengetahui tentang tarannum	6/20	20%
Mengetahui serba sedikit	14/20	80%

Jadual 7 : Pengetahuan tentang tarannum

Kebanyakan responden mengetahui serba sedikit tentang tarannum iaitu seramai 14 responden atau 80%. Hanya 6 daripada 20 responden atau 20% yang mengetahui maksud dan lagu-lagu tarannum. Bilangan responden yang mengetahui tentang tarannum lebih ramai di Masjid KUIS adalah kerana responden tersebut mempelajari ilmu tarannum yang mana ia merupakan salah satu subjek akademik. Dan kebanyakan jamaah di masjid lain adalah orang awam.

**Soalan 7 : Pandangan responden terhadap faktor kedatangan jamaah**

<b>Pandangan terhadap faktor kedatangan jamaah</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Peratus</b>
Kemerduan bacaan Imam	14/20	60%
Faktor lain	6/20	40%

Jadual 8 : Faktor kemerduan bacaan Imam

14 daripada 20 responden atau 60% berkata jamaah ini datang hanyalah untuk mencari masjid-masjid yang mempunyai imam yang mempunyai bacaan yang sedap didengar. Baki 6 responden yang lain memberitahu jamaah lain ada alasan yang lain mereka datang, bukan sekadar mencari imam yang bersuara merdu dan menarik. Ada yang datang kerana jamuan makan, ada yang datang untuk membayar zakat dan selainnya.

**4.0 Kesimpulan**

Taranum al-Quran yang diaplikasikan oleh para imam solat Tarawih khasnya sangat memberi kesan kepada makmum atau jamaah dan ia mempengaruhi kehadiran jamaah

ke masjid. Ini juga menjadi faktor bagi sesetengah masjid yang sanggup menjemput imam-imam dari luar negara bagi memperdengarkan bacaan yang lebih merdu. Untuk itu disarankan kepada imam-imam agar meningkatkan kemahiran mereka dalam pembacaan al-Quran secara *murattal* dalam solat Tarawih selain pihak masjid juga wajar menyediakan kursus untuk imam-imam Tarawih terutama di masjid-masjid besar.

## **5.0 Rujukan**

Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail, 2007. *Qawa'id al-Tarannum*, Kuala Lumpur: Darul Fikr.

Nik Azizan al-Farisi. 2012. Nota Cepat dan Mudah Bertaranum. Issu.com.

Mohd Ali Bin Abu Bakar. 1997. Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia. Darul Fikir.